

03/09/1998

Peraturan baru akan stabil BSKL

MELAKA, Rabu - Pasaran di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) akan stabil berikutan peraturan bagi pelaburan saham perlu dikekalkan sekurang-kurangnya setahun, kata Presiden BSKL, Datuk Mohd Salleh Abdul Majid.

Katanya, peraturan itu hanya ingin menarik pelabur tulen dan tidak menjadi masalah kepada mereka berbanding pelabur yang melakukan spekulasi menyebabkan harga saham naik melambung serta jatuh menjunam.

"Pelabur yang menyimpan adalah pelabur stabil kerana pelaburan mereka dengan sendiri memberi kestabilan pasaran kita," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah bertajuk Kerjaya Dalam Pasaran Saham Serta Cabaran anjuran Kelab Fakulti Pengurusan Universiti Telekom di sini, hari ini.

Menurutnya, biar ada sedikit kekurangan kekerapan urusan niaga tetapi ada kestabilan dan apabila keadaan pulih stabil, bolehlah perancangan dilaksanakan.

Mohd Salleh berkata, langkah yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan mengikat nilai ringgit, diperlukan untuk membanteras sebarang langkah spekulasi yang dilakukan ke atas mata wang negara.

"Kita tahu keadaan sekarang ini seolah-olah kumpulan wang pula menentukan asas-asas ekonomi sesebuah negara. Sepatutnya asas ekonomi dan bukannya pengaliran wang," katanya.

Menurutnya, telah disaksikan betapa berbahaya keadaan itu. Bukan saja Malaysia menjadi mangsa pada kegiatan spekulasi tetapi negara jiran dan rantau ini, termasuk Hong Kong yang dulu dianggap sebagai model pasaran bebas, juga diserang dan terpaksa bertahan.

Berikutan itu, tegasnya, nilai ringgit perlu distabilkan dan jika mata wang sentiasa berubah serta tidak menentu, ia akan menyebabkan harga pasaran saham jatuh dan pelabur tidak akan masuk melabur.

"Masa yang drastik sekarang memerlukan tindakan drastik. Nilai mata wang jatuh 40 peratus dan pasaran saham jatuh hampir 70 peratus," katanya.

Menurutnya, ini menyebabkan syarikat rugi. Bukan kerana kegiatan sendiri tetapi berpunca daripada kejatuhan nilai mata wang dengan harga saham jatuh daripada nilai asset sebenar yang dimiliki.

Katanya, jika nilai mata wang stabil ia akan mendatangkan keyakinan kerana asas ekonomi negara masih kukuh.

(END)